
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HMT 228 - SOSIOLINGUISTIK

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi ENAM soalan dalam dua bahagian. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B. Maka, jumlah soalan yang perlu anda jawab ialah EMPAT.

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan.

1. Lihat **Gambar 1** dan **2** yang merupakan iklan yang dihantar dari rumah ke rumah di Malaysia. Bandingkan dengan terperinci pemilihan bahasa dalam gambar-gambar tersebut dari aspek [i] faktor pemilihan, [ii] kesesuaian atau ketaksesuaian pemilihan, [iii] fungsi bahasa, dan [iv] kesan pemilihan. Kaitkan juga perbincangan anda dengan dasar bahasa di Malaysia.

[20 markah]

Gambar 1

BLUE CUBE

Merdeka 50 Promotion
Exclusively @ Blue Cube Only

LIMITED QUITIES ONLY!

Motorola V3XX
+ Bluetooth iTech Clip R35
At only **RM399**

Start up with Cashless payment
12.5% Plan with an interest payment
of 12 months for selected models

- 3G
- MP3
- 3.2 MP Camera
- MP3 Player

Clip R35 Stereo Bluetooth
• 55 x 24 x 27 mm
• 25 MP
• 100% full screen
• Up to 4 hrs of standby time
• Up to 100 hrs of standby time

Nokia E90 Communicator
+ 512MB Memory Card
At only **RM3199**

Start up with Cashless payment
12.5% Plan with an interest payment
of 12 months for selected models

- 3.2G (3.8 MHz)
- 144 MB (11.7)
- GPS Navigation
- 3.2 MP Full resolution
- MP3 Player
- FM Radio

Jambolle 3333
+ 256MB Memory Card
FREE (with 12.5%)

Start up with Cashless payment
12.5% Plan with an interest payment
of 12 months for selected models

- MP3 Player
- FM Radio

Celebrate 50 years of nationhood with over 50 irresistible deals & 50 prizes to be won!

0% installment available for selected models

Gambar 2

Jimat sehingga 50% untuk telefon bimbit!

DISKAUN 50%

LG F3000
• Telefon bimbit
• Kamera 3.2MP
• Memori 32 MB
• Lampu LED bercahaya
• Bluetooth
• Bluetooth A2DP
• Telefon music

JIMAT 200

DOPOD
SEKARANG **1799**
Harga Asal **2099**
MUNGKULAN **28.92**

JIMAT 300

SEKARANG 299
Harga Asal **599**
MUNGKULAN **9.49**

JIMAT 40

SAMSUNG
SEKARANG **459**
Harga Asal **599**
MUNGKULAN **8.77**

JIMAT 50

NOKIA
SEKARANG **749**
Harga Asal **999**
MUNGKULAN **13.62**

JIMAT 100

LG
SEKARANG **1299**
Harga Asal **1599**
MUNGKULAN **20.77**

JIMAT 100

MOTOROLA
SEKARANG **1599**
Harga Asal **1899**
MUNGKULAN **25.62**

XDA Atom Exec
• Telefon PDA
• Digunakan 1024 MB
• Pemproses Intel PXA 2732Mhz
• Kamera 2.0 MP dengan
lampu LED
• Memori 128 MB
• Pemutar music MP3
• Penerima Wireless Mobile 5
• Penerima internet

JIMAT 242

SEKARANG 1957
Harga Asal **2199**
MUNGKULAN **30.69**

2. Bincangkan dengan terperinci [i] definisi, [ii] bentuk, [iii] cara, [iv] tujuan, dan [v] kesan pertembungan bahasa dengan DUA daripada perkara [a] hingga [d]. Gunakan bahan dari filem [I] 'Just Follow Law' [II] 'Mr. Ro-bin Ggo-si-gi (Seducing Mr. Perfect)', dan [III] 'Bushi no Ichibun (Love and Honor)' sebagai contoh perbincangan.

[a] jumlah bahasa

[b] gender

[c] kelas sosial

[d] budaya

[40 markah]

Bahagian B

Pilih dan jawab DUA soalan sahaja.

3. Bincangkan dengan terperinci (i) definisi, (ii) asal-usul, (iii) bentuk, (iv) impak, dan (v) tujuan kebersihan verbal untuk sari kata bahasa Melayu dalam **Data 1**. Anda perlu mengenal pasti bahagian yang akan dianggap tidak menepati kualiti kebersihan verbal dalam data ini. (**Sari kata bahasa Inggeris disertakan hanya sebagai padanan rujukan makna sahaja. Anda tidak perlu membincangkannya.**)

[20 markah]

Data 1

Sari Kata Bahasa Melayu	Sari Kata Bahasa Inggeris
(i) ... Jepun akan tenggelam lebih cepat // lagi daripada kata Orang Amerika. #	...Japan will sink much faster than the Americans // say. #
(ii) Celaka, dia betul-betul terjun# Celaka, tak kelakar#	Shit, he really jumped# Shit, no fun#
(iii) Saya tidak tahu kamu cakap apa # Saya langsung tiada cedera #	I don't know what you mean. // I wasn't hurt. #
(iv) Die dan don't jatuh#	Die and don't drop#
(v) Kami tak apa-apa, bos# Tapi aku tidka, biar aku berehat ok?#	We're fine, boss# I'm not just let me rset okay?#
(vi) Anda kungfu telah meningkat banyak? #	Your kungfu has improved a lot?
(vii) Dia menghilangkan semua setiap kali ingatannya // dia mendapat terapi getaran #	She loses all her memory each time // she gets shock therapy.#

4. Bincangkan dengan terperinci (i) definisi, (ii) asal-usul, (iii) tujuan, dan (iv) impak ungkapan tabu dalam **Data 2**. Anda juga perlu mengenal pasti ungkapan yang dianggap tabu dalam data ini.

[100 markah]

Data 2

(i)	<p>Memula of all, aku just would like to apologise kepada semua my fellow kodoks semua, terutama sekali seorang Anonymous yang telah memanggil saya babi di dalam blog comments ini, kerana tidak menyambung blog saya dengan terlebih awal lagi.</p> <p>(http://afdlinshauki.blogspot.com/2005/09/message-untuk-anonymous_08.html)</p>
(ii)	<p>Bodoh. Bodoh. Bodoh. Bangang. Bengap. Bahlul. Bengap. Biol. Bebal. Binatang. Berok. Baghal. Baboon. Bocor. Booooooo! Bodoh. Bodoh. Bodoh. These are some of the recurring B-words that have become the common nouns, adjectives, and adverb lacing our parliamentary debates.</p> <p>(http://blog.limkitsiang.com/2007/07/01/)</p>
(iii)	<p>Pernah Main Game ni? Ni adalah antara Free game MMORPG Online antara paling best di muka bumi ini :). Silkroad Online bagi sesiapa yang tak tahu apa kejadahnya silkroad ini</p> <p>(http://www.skyvtec.com/perisian/)</p>
(iv)	<p>Lebih kurang 1% daripada kanser payudara setiap tahun di Amerika Syarikat terdiri daripada kaum lelaki.</p> <p>(http://www.radiologymalaysia.org/breasthealth/BM/Maklumat/lelaki.htm)</p>
(v)	<p>Woi...!!nazi celaka...dari ko hidup,baik ko pegi mampus la...pegi ko NAZI sialan...!!!!</p> <p>(http://www.viceland.com/issues_uk/v2n11/htdocs/all_malaysian.php)</p>

5. Bincangkan dengan terperinci (i) definisi, (ii) ciri, (iii) faktor yang mempengaruhi, (iv) impak, dan (v) tujuan kesopansantunan dalam penggunaan kata ganti yang bergaris dalam **Data 3**.

[20 markah]

Data 3

(i)	Dr Mahathir merupakan seorang tokoh politik antarabangsa yang terus terang dan yang bersifat kontroversi. Beliau adalah seorang penganjur gagah nilai-nilai Asia — kapitalisma autokratik yang dianjurkan oleh negeri — sebagai alternatif kepada individualisma Amerika Syarikat dan kapitalisma dasar tidak campur tangan (laissez-faire). (http://ms.wikipedia.org/wiki/Mahathir_bin_Mohamad)
(ii)	kalau Raja Nazrin ditabalkan nanti, beliau akan mencipta satu sejarah lagi. (http://free.corefusion.net/Free/syah/home.nsf/1c44ceb299bf038848256a5f00502e99/BE0463F2BDBA86A985256AFB000B748E?OpenDocument)
(iii)	Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, hari ini berangkat menunaikan haji ke Tanah Suci Mekah. Baginda turut diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid dan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Mohd Adzib Mohd Isa. (http://www.mbselangor.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=486)
(iv)	Pada peringkat permulaan dakwah, Rasulullah saw telah berdakwah kepada orang yang baginda rasa telah bersedia untuk menerima Islam, tanpa mengira umur, kedudukan, bangsa, atau tempat. (http://members.tripod.com/ISLAMIKA/dakwah.html)
(v)	Dalam isu Rosnah Mat Aris, dia sudah buat pengakuan minta maaf, dia terlepas cagak. (http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2007&dt=0204&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_02.htm)
(vi)	Sharifah Aini mendakwa dia diekori dan ditahan dua lelaki bermotosikal sebelum mereka bertindak ganas dengan menarik rambut sambil mengheretnya keluar dari kereta. (http://www.freewebtown.com/ayul/berita-saini001.html)
(viii)	Sumber itu berkata, Sultan Brunei dan isterinya nya itu dijadual kembali ke Brunei dalam minggu ini. (http://www.brudirect.com/DailyInfo/News/Archive/Aug05/250805/nite01_1.htm)
(viii)	Ratu skuasy dunia Nicol Ann David berazam untuk meningkatkan prestasi permainannya nya melalui latihan menghadapi beberapa kejohanan tahun depan bagi mengekalkan ranking dunia yang disandangnya. (http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news_sports.php?id=237367)

6. Tentukan sama ada **Data 4** slanga atau jargon, dan berikan justifikasi mengapa anda menentukan sebegitu. Kemudian, bincangkan dengan terperinci (i) definisi, (ii) asal-usul, (iii) bentuk, (iv) tujuan, dan (v) impak slanga atau jargon dalam **Data 4**. Kaitkan juga perbincangan anda dengan fenomena gosip atau rumor.

[20 markah]

Data 4

(i) teddy bear	(ii) skema
(iii) brutal	(iv) slamba
(v) pelik	(vi) hensem
(vii) korea	(viii) SS
(ix) sempoi	(x) hyperaktif